

23 SEP 1997

Fuchs-Yakin (Bergambar)

AHLI AKADEMIK AMERIKA YAKIN TERHADAP DASAR KESIHATAN MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 23 Sept (Bernama) -- Seorang ahli akademik Amerika hari ini menyatakan keyakinannya dengan keupayaan Malaysia mewujudkan dasar penjagaan kesihatannya sendiri untuk semua peringkat penduduknya dalam proses ia menjadi sebuah negara maju.

Profesor Stanford University Emeritus Victor Fuchs berkata setiap negara termasuk Malaysia harus mempunyai mekanismenya sendiri dalam mengumpulkan sumber, sama ada daripada sumbangan terus atau saluran lain, untuk membiayai penjagaan asas kesihatan kerana penjagaan kesihatan bukanlah satu komoditi biasa.

"Tidak ada penjagaan kesihatan yang percuma, kata Fuchs dalam satu syarahan sempena majlis Anugerah Biasiswa Perdana di sini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merupakan antara 500 jemputan yang menghadiri syarahan itu yang bertemakan dasar kesihatan dalam negara modern.

Dr Mahathir terdahulu itu menyampaikan Biasiswa Perdana kepada tujuh pelajar ijazah lanjutan yang akan mengikuti pengajian di luar negara.

Ahli ekonomi berusia 73 tahun itu berkata di Amerika Syarikat, kerajaan mewajibkan doktor-doktornya yang memberikan cadangan supaya pesakit menerima rawatan di rumah-rumah penjagaan membayar kos hospital.

"Di negara saya, 40 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KNK) ditumpukan kepada rumah penjagaan dan peralatan perubatan. Ini tidak dapat dielakkan kerana orang ramai mahu hidup lama dan dalam keadaan baik oleh itu mereka bersedia menghabiskan pendapatan mewah mereka untuk mendapatkan rawatan perubatan yang terbaik."

"Sedang orang ramai menjadi lebih berpendidikan dan sedar mengenai adanya pelbagai aspek kemudahan teknologi penjagaan kesihatan, tiada lagi kesediaan di kalangan masyarakat modern untuk hanya menerima penyakit dan ketidakupayaan tanpa mendapatkan rawatan perubatan yang terbaik," kata Fuchs.

Semasa diminta mengulas kemudian mengenai cadangan teknologi teleperubatan yang akan diperkenalkan di Malaysia, apabila Koridor Raya Multimedia dilaksanakan sepenuhnya, beliau berkata teknologi memang berguna tetapi ia mungkin tidak menguntungkan dari segi kos.

"Saya tidak mengatakan ia tidak berfaedah bagi bidang perubatan tetapi ia bukanlah sesuatu yang baik kecuali kita menggunakannya dengan bijak. Ia mungkin berguna bagi negara besar seperti Amerika kerana ia membolehkan pesakit dari satu tempat berhubung dengan doktor mereka di tempat lain," katanya.

Para pelajar yang menerima biasiswa itu ialah Aida Othman, Wan Haslina Hassan, Abdul Razak Abdul Aziz, Hasniza Mohd Hassan, Mohamad Fahmi Ngah, Yu Ei Leen dan Lim Kian Tick.

Biasiswa itu di bawah program pertukaran zamalah Perdana Menteri -- satu yayasan yang ditubuhkan pada 1995 -- ialah untuk menggalakkan kecemerlangan pendidikan di kalangan rakyat Malaysia dengan merangsangkan pembelajaran dan penyelidikan dalam semua bidang pengetahuan untuk membantu mencapai matlamat wawasan 2020 negara.

Fuchs merupakan pakar terkemuka dalam bidang penjagaan kesihatan yang hasil kerjanya telah mempengaruhi satu generasi baru penjagaan kesihatan. Beliau telah menulis sembilan buah buku, menyunting enam lagi dan menerbitkan lebih seratus artikel.-- BERNAMA

RA NN RON

